



SIARAN AKHBAR

SESI MUZAKARAH JABATAN PERDANA MENTERI DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA BERSAMA AHLI-AHLI YANG BERHORMAT MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2021

Bandar Seri Begawan, Khamis, 21 Januari 2021

Jabatan Perdana Menteri hari ini mengadakan Sesi Muzakarah Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatan di bawahnya bersama Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 2021, yang berlangsung di Bilik Mesyuarat *West Wing*, Bangunan Jabatan Perdana Menteri.

Hadir ke Sesi Muzakarah tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (Kedua).

Seramai 17 orang daripada rombongan Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara menghadiri Sesi Muzakarah tersebut, diketuai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu.

Sesi Muzakarah didahului dengan sesi bergambar ramai, yang diikuti dengan bacaan *Surah Al-Fatihah* dan *Doa Selamat*. Sesi Muzakarah seterusnya bermula dengan ucapan aluan daripada Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Ini diikuti dengan ucapan balas daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu selaku ketua rombongan Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara.

Permuzakarahan seterusnya disusuli dengan sesi dialog di antara Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara dan pihak Jabatan Perdana Menteri.

Turut hadir di Sesi Muzakarah ini ialah Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei; Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; dan Ketua-ketua Jabatan; serta Pegawai-pegawai Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatan di bawahnya.



Sesi Muzakarah bersama Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara ini merupakan landasan bagi Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatan di bawahnya untuk mengongsikan maklumat terkini mengenai peranan, tanggungjawab dan perkhidmatan bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk secara berterusan ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035; di samping bagi kedua-dua pihak untuk berkongsi idea, pandangan dan cadangan ke arah meningkatkan mutu perkhidmatan Jabatan Perdana Menteri.

JABATAN PERDANA MENTERI

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Brunei Darussalam

07 Jamadilakhir 1442
21 Januari 2021



PRESS RELEASE

MUZAKARAH SESSION BETWEEN THE PRIME MINISTER'S OFFICE AND ITS DEPARTMENTS WITH MEMBERS OF THE LEGISLATIVE COUNCIL FOR THE YEAR 2021

Bandar Seri Begawan, Thursday, 21st January 2021

The Prime Minister's Office today held a *Muzakarah* Session between the Prime Minister's Office and its Departments and Members of the Legislative Council for the Year 2021, which was held at the West Wing Meeting Room, Prime Minister's Office Building.

Present at the *Muzakarah* Session were Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, Minister at the Prime Minister's Office; and Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Minister at the Prime Minister's Office and Second Minister of Finance and Economy.

A 17-member delegation from the Legislative Council which was led by Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu attended the *Muzakarah* Session.

The *Muzakarah* Session was preceded with a group photograph session which was followed by a recitation of *Surah Al-Fatihah* and *Doa*. The *Muzakarah* session then commenced with a welcoming speech by Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, Minister at the Prime Minister's Office.

This was followed by a speech from Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu, as head of delegation of the members of the Legislative Council.

The *Muzakarah* Session then continued with a dialogue session between the members of the Legislative Council and the Prime Minister's Office.

Also present at the *Muzakarah* Session were the Commissioner of Police, Royal Brunei Police Force; Permanent Secretaries; Deputy Permanent Secretaries; and Heads of Departments; as well as Senior Officers at the Prime Minister's Office and its Departments.

The *Muzakarah* session with Members of the Legislative Council serves as a platform for the Prime Minister's Office and its Departments to provide the latest information on their roles, responsibilities and services to ensure the continuous well-being of the people and residents in achieving Brunei Vision 2035. The session also enables both sides to share ideas, views and suggestions towards improving the service quality of the Prime Minister's Office.



PRIME MINISTER'S OFFICE

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Brunei Darussalam

7th Jamadilakhir 1442
21st January 2021